

16 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR

DR MAHATHIR JELASKAN KEPADA HOWARD ISU ANWAR

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjelaskan kepada rakan sejawatannya dari Australia, John Howard mengenai isu bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pertemuan mereka di sini hari ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata: "Kita telah berikan penjelasan penuh mengenai isu itu. Perdana Menteri telah menjelaskan apa sebenarnya berlaku."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pertemuan dua pemimpin itu di sini hari ini.

Sementara itu Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Australia menghargai hubungan yang wujud antara kedua-dua negara dan Australia berpendapat kalau ekonomi Malaysia kuat ia merupakan satu yang baik untuk Australia sendiri.

Katanya, adalah menjadi hasrat Australia untuk melihat ekonomi Malaysia teguh dan berharap usaha-usaha ke arah memulihkan ekonomi yang dijalankan akan memberikan sumbangan untuk semua.

Mengenai isu kerjasama pertahanan lima negara (FPDA) yang dibangkitkan Howard, Abdullah menyatakan Malaysia masih menyokong FPDA yang disifatkannya sebagai kerjasama yang berfaedah.

Abdullah berkata Perdana Menteri menjelaskan bahawa Malaysia tidak mengambil bahagian dalam salah satu kerjasama latihan pertahanan yang diadakan baru-baru ini kerana kesulitan ekonomi yang dihadapi negara.

"Tetapi kita tetap menyokong FPDA," katanya.

FPDA dianggotai oleh Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan Britain.

--BERNAMA

MAM WAT